



FESYEN *HALAL STYLE* MENURUT PERSPEKTIF STAF UNISSA

DR HAJAH MAS NOORAINI BINTI HAJI MOHIDDIN

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam
Email: masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn

DAYANG SUAAD BINTI DR HAJI SERBINI

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam
Email: drhjserbini@unissa.edu.bn

Abstrak

Halal Lifestyle atau gaya hidup halal telah menjadi satu trend yang global sejak akhir-akhir ini. Ironinya, *Halal Lifestyle* ini bukan sahaja mempengaruhi negara-negara Muslim bahkan ianya juga telah meresap ke negara-negara yang majoriti penduduknya non-Muslim. Hal ini secara tidak langsung, menunjukkan bahawa seantero dunia memberikan respon yang positif terhadap suatu sistem yang berpaksikan syariat Islam. Setakat ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali merupakan satu-satunya universiti yang menawarkan major program dalam pengajian Islam di Negara Brunei Darussalam. Dalam usaha untuk melahirkan graduan yang bertaraf ulama yang tulen dan berwibawa sejajar dengan misi UNISSA, bukan terbatas kepada gaya hidup pelajar sahaja menjadi salah satu sukatan penentu tercapai atau tidak objektif berkenaan bahkan amalan dalam kalangan staf termasuk ahli akademik dan kakitangan sokongan turut di ambil kira. Salah satu di antara gaya hidup yang perlu dititik beratkan adalah dari sudut berpakaian atau berfesyen. Memandangkan saban hari pelbagai fesyen terkini muncul dan menjadi ikutan orang ramai tanpa mengambil kira penyempurnaan dalam menutup aurat mengundang isu yang perlu di ambil perhatian serius. Ini memandangkan kakitangan yang bertugas di UNISSA datang dari latar belakang pendidikan yang berbeza. Bahkan isu penutupan aurat yang tidak sempurna ini bukan sahaja boleh mencacatkan nama baik agama Islam, bahkan juga Negara Brunei Darussalam yang memegang falsafah Melayu Islam Beraja. Kajian ini akan fokus kepada fesyen gaya halal dari sudut pemahaman serta sejauh mana amalan ini menjadi trend staf UNISSA. Kaedah yang akan digunakan dalam pengumpulan data adalah melalui kaji selidik dengan menggunakan metod kuantitatif di samping rujukan dari buku, penulisan artikel kertas kerja dan sebagainya. Jangkaan hasil kajian adalah latar belakang pendidikan yang berbeza di kalangan staff UNISSA akan mempengaruhi tahap kefahaman dan amalan staf berkaitan fesyen halal *style* ini. Penguatkuasaan dan penambahbaikan peraturan-peraturan penutupan aurat yang sempurna perlu dipertingkatkan dan pada masa yang sama tidak mengabaikan fesyen gaya hidup terkini. Di samping mengukuhkan lagi kefahaman betapa pentingnya kewajipan menutup aurat agar mereka sedar bahawa ianya adalah merupakan peraturan syariah dan bukannya semata-mata terikat dengan peraturan Universiti.

Kata Kunci: Fesyen, halal, staf, UNISSA

1. Pendahuluan

Fesyen merupakan satu seni yang berkaitan dengan pakaian atau tudung. Fesyen akan berubah mengikut arus dan adat sesuatu kawasan dan masa. Menurut Islam, fesyen termasuklah berkaitan tabarruj, kerana ia bertujuan untuk kecantikan. Islam tidak melarang umatnya mengenakan tudung yang pelbagai bentuk, atau fesyen untuk kelihatan cantik. Sememangnya dalam Islam mementingkan kecantikan sama ada secara zahir mahupun batin. Namun, jika berlebihan dalam berfesyen kemungkinan akan mengundang kepada budaya tabarruj (Abdullah, 2005) sehingga membuka dan memperlihatkan bahagian-bahagian tubuh yang mengundang nafsu seperti kedua lengan, betis, dada, leher dan wajah. Walaupun pemakaian tersebut melambangkan kemodenan, namun adakalanya ia juga mendorong seseorang Muslimah bertabarruj dan tersasar daripada etika pemakaian yang telah digarispuankan oleh Islam (Norzira, 2021).



Islam memerintahkan kepada setiap manusia khususnya umat Islam agar menutup aurat dengan berpakaian supaya elok dipandang mata dan bagi membezakan antara manusia dengan haiwan. Tujuan pakaian dalam perspektif Islam adalah untuk menutup aurat dan untuk berhias. Sebagaimana firman Allah S.W.T maksudnya:

“Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan”. (Al-A’raaf: 26)

Islam telah menerangkan mengenai hukum serta hikmah pemakaian yang berlandaskan kepada syariat kerana ianya mampu menjaga kehormatan insan. Bertudung adalah bukan sekadar mengikut fesyen semata-mata atau menutupi kepala sahaja tetapi konsep pemakaian tudung yang sebenar adalah menutupi seluruh anggota badan perempuan dari hujung rambut hingga ke paras dada mereka. Allah S.W.T memerintahkan umat Islam menutup aurat untuk menghindarkan mereka daripada mendapat dosa. Firman Allah S.W.T:

“Dan Katakanlah kepada perempuan-perempuan Yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang Yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali Yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka;”

(An-Nuur :31)

Menurut Imam al-Qurthubi, ayat di atas diturunkan sebagai panduan dan teguran kepada wanita-wanita Islam dahulu yang menutup kepala mereka dengan khimar atau tudung dengan melabuhkannya ke belakang sehingga menyebabkan bahagian dada terbuka, leher dan telinga juga kelihatan (Jabatan Mufti, 2020).

Universiti Islam Sultan Sharif Ali merupakan satu-satunya Universiti Islam yang terdapat di Brunei Darussalam yang menawarkan program dalam pengajian Islam. Dalam usaha untuk melahirkan graduan yang bertaraf ulama yang tulen dan berwibawa sejajar dengan misi UNISSA, bukan terbatas kepada gaya hidup pelajar sahaja menjadi salah satu sukatan penentu tercapai atau tidak objektif berkenaan bahkan amalan dalam kalangan staf termasuk ahli akademik dan kakitangan sokongan turut di ambil kira. Salah satu di antara gaya hidup yang penting ialah dari sudut berpakaian atau berfesyen. Dengan kemunculan pelbagai fesyen yang menjadi ikutan orang ramai tanpa mengambil kira penyempurnaan dalam menutup aurat menjadi isu yang perlu di ambil perhatian serius. Ini memandangkan kakitangan yang bertugas di UNISSA datang dari latar belakang pendidikan yang berbeza.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan. Populasi kajian terdiri daripada staf termasuk tenaga akademik dan staf pentadbiran di Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan (Purposive Sampling) untuk mendapatkan sampel kajian. Sampel kajian terdiri daripada 52 responden yang mewakili semua fakulti dan Pusat yang terdapat di UNISSA. Mohd Najib (1999) mengatakan bahawa instrumen kajian merupakan set pengumpulan data secara terancang yang dapat ditentukan dengan cara pengedaran soal selidik atau temuduga. Walaubagaimanapun, kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dalam menjawab persoalan kajian. Soal selidik merupakan satu cara yang tepat, cepat dan menjimatkan masa untuk memperolehi maklumat secara kualitatif dan kuantitatif (Mohd Najib, 1999). Penggunaan soal selidik dapat mengelakkan berlaku bias antara responden dengan pengkaji.

Berdasarkan kajian ini, kaedah soal selidik digunakan untuk mengumpul data. Soal selidik mengandungi 4 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A bertujuan mengumpul maklumat latar belakang responden iaitu, Umur, Jantina, Pendidikan agama dan Sains, serta tempoh bertugas di UNISSA. Bahagian B bagi mengukur Kefahaman Terhadap Tuntutan batas-batas Menutup Aurat. Amalan dan pelaksanaan staf UNISSA dalam menutup aurat diukur dalam bahagian C. Jadual dibawah menunjukkan pembahagian bilangan item.



Jadual 1: Spesifikasi Instrumen Soal Selidik

BAHAGIAN	Spesifikasi Item	Bilangan Item
A	Demografi	8
B	Tahap Pengetahuan & Pemahaman	6
C	Perspektif & Pelaksanaan	15
	Jumlah	29

3. Dapatan Kajian

Sesuai dengan tajuk kajian ini, fokus penulisan kepada fesyen gaya hidup halal dari sudut pemahaman serta sejauhmana amalan ini menjadi trend dalam kalangan staf UNISSA. Kaedah kaji selidik telah digunakan bagi mengenal pasti isu tersebut dan soal selidik telah diedarkan secara hybrid sama ada melalui elektronik dan secara fizikal. Jumlah keseluruhan staf yang sedang berkhidmat di UNISSA dari semua Fakulti dan Pusat pada masa kini ialah seramai 169. Ini termasuklah istilah pekerja sementara seperti Iready¹, Pensyarah sambilan dan Pegawai sambilan. Dari jumlah tersebut hanya 31% iaitu seramai 52 responden yang berjaya melengkapkan soal selidik yang dijalankan selama hampir 3 minggu. Ini terdiri dari 34 responden perempuan dan 18 responden lelaki. Terdapat soalan yang berbeza antara staf lelaki dan perempuan terutama dalam aspek batas aurat iaitu dari sudut pengetahuan masing-masing serta jenis-jenis pakaian namun soalan selebihnya adalah serupa.

Kebanyakan responden lelaki berumur di antara 30-39 tahun diikuti dengan responden yang berumur 20-29 tahun. Majoriti memiliki kelulusan dari universiti dan hampir separuh dari responden lelaki memiliki asas pendidikan agama sehingga Darjah 6 dan dari Pendidikan Sekolah Arab. Bahkan lebih dari separuh jumlahnya telah berkhidmat di UNISSA dalam tempoh 1-5 tahun sementara selebihnya telah berkhidmat dalam tempoh 6-15 tahun. Dalam aspek pemahaman dan pengetahuan responden berkaitan aurat dan batas-batasnya khusus bagi lelaki, secara umumnya semua responden memahami apa yang dimaksudkan dengan pengertian aurat iaitu anggota badan yang perlu disembunyikan bukan untuk didedahkan. Apabila di ajukan soalan berkaitan dengan batas aurat lelaki menurut mazhab shafi'i, seramai 12 orang responden menyatakan batas aurat lelaki adalah dari atas pusat hingga bawah lutut. Sementara 6 responden berpendapat bahawa aurat selain batas bawah pusat dan atas lutut. Hal ini kerana walaupun pendapat yang tepat dari Mazhab Shafi'e berkenaan aurat lelaki adalah antara pusat dan lutut seperti mana yang diriwayatkan oleh al-Harith bin Abi Usamah daripada Abu Usamah daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a:

“Aurat orang mukmin ialah antara pusat dan lututnya”²

Maka pusat dan lutut tidak termasuk aurat, namun ianya tetap diwajibkan menutup bahagian lutut dan bahagian pusat agar secara tidak langsung akan tertutup juga bahagian yang berada di antara keduanya. Ini kerana tidak akan sempurna sesuatu kewajipan kecuali dengan sesuatu, maka sesuatu itu juga menjadi wajib, sepertimana kaedah fihiyyah menyatakan: Sesuatu yang tidak dapat menyempurnakan perkara maka ia juga menjadi wajib”. (Wahbah, 2005).

Pelbagai fesyen terkini yang muncul baik untuk lelaki dan perempuan yang menjadi ikutan. Antaranya baju ketat '*slim fit*', seluar ketat yang menampakkan segala bentuk serta pakaian jarang dan nipis. Seramai 9 responden menyatakan bahawa pemakaian baju *slim fit* bagi lelaki adalah dianggap menutup aurat. Namun majoriti responden menjawab sebaliknya jika mengenakan seluar ketat yang menampakkan segala bentuk. Jawapan yang sama bagi pemakaian material yang nipis dan jarang bagi lelaki adalah dianggap tidak menutup aurat. Bagi kategori pakaian

¹ Iready adalah satu program internship yang memberi peluang kepada rakyat belum menimba pengalaman bekerja dengan diberikan elaun.

²Khalid bin Mardas Abu Haitham (2004). Hadis Khalid bin Mardas al-Siraji. Maktabah Shamilah.



yang menampakkan bahagian dada jumlah pro and kontrak hampir sama di mana 6 responden mengatakan menutup aurat manakala 9 responden mengatakan sebaliknya selebihnya tidak pasti.

Pandangan ini adalah disebabkan aurat lelaki hanya terbatas di antara pusat dan lutut, maka yang di atas paras tersebut dianggap bukan aurat dan boleh didedahkan sama ada berpakaian nipis atau didedahkan secara langsung. Namun pandangan ini disangkal oleh Fatwa Mufti Kerajaan Wilayah Persekutuan³ dengan membawakan dalil:

Firman Allah Taala:

يَا بَنِي آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُؤَارِي سَوَاتِكُمْ وَرِيثًا ۖ وَلِبَاسُ التَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَيْرٌ ۗ
ذَٰلِكَ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ۝

Maksudnya: *Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).*

(Surah al-A'raf, 7:26)

Perkataan " يُؤَارِي سَوَاتِكُمْ " jelas menunjukkan sifat pakaian mestilah menutup aurat. Maka jika berpakaian tetapi يُلْفِثُ terlalu menarik perhatian, walaupun antara sesama lelaki tidak berasa apa-apa, namun dengan wanita yang melihatnya akan menimbulkan syahwat dan ghairah kerana kaedah fiqhiyyah ada menyatakan:

مَا أَدَّى إِلَى حَرَامٍ فَهُوَ حَرَامٌ ۝

Maksudnya: *Perkara yang membawa kepada perkara yang haram, juga haram hukumnya.*

Faktor utama yang mendorong responden mengenakan pakaian yang menutup aurat boleh dibahagikan kepada 4 faktor iaitu mematuhi syarak, kebiasaan, mengikut peraturan Universiti dan pengaruh daripada keluarga dan kawan-kawan dan persekitaran. Hasil kajian mendapati kesemua responden menyatakan bahawa memakai pakaian yang menutup aurat adalah kerana mematuhi syarak. Manakala faktor kedua tertinggi ialah kerana menjadi kebiasaan memakai pakaian yang menutup aurat iaitu sebanyak 13 responden. Faktor ketiga pula mengikut peraturan Universiti merupakan alasan untuk memakai pakaian yang menutup aurat iaitu seramai 8 responden. Pengaruh dari keluarga dan kawan-kawan merupakan jumlah terendah di pilih oleh responden yang dijadikan alasan memakai pakaian yang tidak mendedahkan aurat. Dapatan ini serupa dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Hjh Mas Nooraini & Suaad (2019) ke atas pelajar-pelajar lelaki di Universiti yang sama.

Dari aspek pelaksanaan pula, soalan yang diajukan lebih berbentuk praktikal yang diamalkan oleh responden seperti pemakaian jenis-jenis pakaian dalam aktiviti atau majlis tertentu termasuklah pakaian ketika bertugas. Secara amnya 3 di tangga teratas ialah pakaian melayu, diikuti dengan kemeja tidak *fit* dan kurta⁴.

Mendahului senarai faktor utama mengenakan pakaian menutup aurat di kalangan staf UNISSA adalah kerana selesa iaitu 17 responden dan alasan mematuhi syarak merupakan pilihan responden yang kedua tertinggi iaitu seramai 16 orang. Diikuti dengan pemilihan pakaian berkenaan disebabkan santai dan ringkas serta mampu meningkatkan keyakinan diri. Masih terdapat 2 responden yang berpandangan bahawa memakai pakaian tertentu untuk menarik perhatian orang.

³ Umar Mukhtar, Mohd Noor (2016) Al-Kafi 281: Hukum Lelaki Berpakaian Nipis dan Ketat

⁴ Baju kurta adalah pakaian harian orang-orang Arab.



Bagi responden lelaki pakaian Melayu sesuai digunakan untuk pelbagai majlis termasuklah juga pakaian ketika menghadiri majlis keagamaan. Di tambah lagi dengan polisi Kementerian Pendidikan yang mengalakkan semua pegawai dan kakitangan di bawahnya untuk memakai baju Melayu setiap hari khamis ketika bertugas. Pilihan kedua ialah baju MIB dalam acara keagamaan yang menjadi kebiasaan bagi staf UNISSA dan diikuti dengan jubah dan pakaian kurta. Bagi acara atau aktiviti bebas seperti membeli-belah dan berjalan-jalan, majoriti gemar memakai *tshirt*, kemeja dan kurta seramai 16 responden diikuti dengan baju sukan. Bagi pemakaian seluar pula majoriti responden lebih gemar memakai seluar pendek bawah lutut ketika melakukan aktiviti bebas, dan seramai 4 responden selesa memakai seluar ketat. Keseluruhan responden mengakui mengenakan pakaian menutup aurat ketika berada di luar waktu pejabat.

Ketika dikemukakan soalan adakah apa-apa perubahan dari sudut menutup aurat sebelum bergabung dengan universiti, jawapan tiada perubahan merupakan jawapan paling banyak di terima iaitu 59% dan 35% menyatakan sebaliknya sementara selebihnya 5.9% tidak pasti ada perubahan atau tidak. Tiada perubahan memberi pengertian positif dan negatif di mana dari sudut positifnya ialah sebelum bergabung dengan UNISSA sudah terbiasa menutup aurat justeru tiada perubahan yang berlaku. Soalan terakhir menjurus kepada pandangan responden berkenaan dengan pemerhatiannya terhadap pakaian staf UNISSA sama ada lelaki dan perempuan menurut responden lelaki, adakah menepati syarak atau sebaliknya. Seramai 65% menyatakan kebanyakan pakaian yang dikenakan adalah patuh syarak meskipun terdapat pandangan yang menyatakan sebaliknya iaitu 29%. Antara isu yang dibangkitkan oleh responden lelaki ialah aurat staf perempuan yang mengenakan pakaian yang ketat, tudung tidak menutup dada, material yang jarang, tidak memakai stokin dan terlebih fesyen.

Dalam kajian yang melibatkan pelajar perempuan pula, seramai 34 orang staf secara keseluruhan dan kebanyakan berumur antara 30-39 tahun iaitu 56%. Di ikuti peringkat umur 40-49 tahun iaitu sebanyak 27%. Majoriti responden perempuan memiliki asas pendidikan agama di peringkat Darjah Enam dan Sekolah Arab sementara kelulusan tertinggi Pendidikan umum ialah Sarjana diikuti dengan Sarjana Muda. Hasil yang sama dengan responden lelaki dari sudut kelulusan tertinggi sekolah agama namun berbeza dengan kelulusan umum. Majoriti telah lama berkhidmat dengan UNISSA iaitu selama 1-5 tahun 50% sementara tempoh perkhidmatan 6-10 tahun dan 11-15 tahun berkongsi peratus yang sama iaitu 24%.

Keseluruhan staf perempuan mengetahui dan memahami apa yang dimaksudkan dengan pengertian aurat. Dalam persoalan batas aurat mengikut mazhab Shafii, 27 responden bersetuju menyatakan batas muka, dan dua tapak tangan adalah anggota yang hanya boleh didedahkan. Meskipun terdapat 4 responden menyatakan aurat yang harus didedahkan ialah muka, tangan dan kaki. Hasil kajian mendapati keseluruhan responden perempuan mengetahui dengan tepat melabuhkan tudung hingga menutup dada adalah batas aurat meskipun ada yang berpandangan bahawa memakai tudung mencukupi menutup paras atas dada sahaja seramai 2 orang. Mendahului senarai faktor utama mengenakan pakaian aurat dalam kalangan staf UNISSA adalah kerana patuh syarak diikuti dengan sudah menjadi kebiasaan, pengaruh dari keluarga dan kawan-kawan serta mematuhi peraturan Universiti memperoleh jumlah yang sama.

Pakaian ketat, nipis, mengenakan pakaian yang tidak menutup pergelangan tangan, memakai tudung pendek didepan dan panjang di belakang, memakai baju pendek dan memakai baju kurung longgar tetapi tidak berstokin, semua kriteria tersebut adalah dianggap tidak menutup aurat menurut majoriti responden meskipun terdapat 2 responden yang berpendapat sebaliknya.

Kaki merupakan sebahagian daripada anggota aurat perempuan, namun masih ada dalam kalangan staf yang merasa kurang pasti mengenainya iaitu sebanyak 9%. Menurut pandangan responden perempuan, baju kurung dan jubah merupakan pakaian yang paling sesuai dipakai semasa bertugas iaitu sebanyak 33 responden memilih baju kurung dan 32 responden memilih jubah. Menduduki senarai ketiga ialah memakai baju fesyen dan blouse dan skirt. Patuh Syarak dan selesa merupakan faktor utama dalam pemilihan pakaian tertentu yang mendorong staf perempuan menutup aurat diikuti mampu meningkatkan keyakinan diri dan merasa ringkas dan selesa. Bagi tujuan menarik perhatian orang lain adalah pilihan terakhir responden. Meskipun perkara ini diketahui oleh ramai responden, namun hasil pemerhatian mendapati masih ramai dari kalangan staf perempuan yang tidak mengenakan stokin ketika bertugas bahkan masih ada dari kalangan staf perempuan yang memakai tudung tidak menutup dada.



Dapatan yang sama diperoleh mengenai pakaian yang biasa di pakai ketika menghadiri majlis keagamaan. Mendahului dalam senarai pakaian jubah, diikuti dengan baju kurung, blouse baju fesyen adalah kurang sesuai di pakai ketika menghadiri majlis tersebut. Bagi aktiviti bebas pula, baju labuh menjadi pilihan pakaian staf perempuan yang kedua, diikuti dengan jubah. Walau bagaimana pun, masih terdapat di kalangan staf yang masih mengenakan blouse pendek iaitu 8 responden. Hampir kesemua responden mengenakan pakaian menutup aurat ketika berada di luar UNISSA iaitu 97%, meskipun 3% mengakui tidak menutup aurat.

Corak yang sama dengan responden staf lelaki dikenal pasti berkaitan dengan dua soalan terakhir iaitu; adakah perubahan dari segi pakaian dan penutupan aurat sebelum dan selepas bergabung dengan UNISSA dan adakah kebanyakan pakaian staf UNISSA menepati syarak. Bagi soalan pertama seramai 53% menyatakan tiada apa-apa perubahan sementara 41% menyatakan sebaliknya. Daripada semua responden kajian, mengakui bahawa kebanyakan staf mengenakan pakaian patuh syarak iaitu sebanyak 62% meskipun 18% jumlah yang sama menyatakan sebaliknya dan selebihnya adalah tidak pasti. Komen yang serupa disuarakan oleh responden staf perempuan mengenai kriteria yang tidak menutup aurat yang berlaku ke atas staf UNISSA iaitu; pakaian yang ketat, tidak memakai stokin dan tudung yang tidak menutup dada.

4. Kesimpulan

Lelaki dan wanita beragama Islam hendaklah mengikut garis panduan dalam Syarak kerana setiap apa yang diperintahkan itu adalah demi kebaikan Umat Islam itu sendiri termasuklah dalam isu penutupan aurat. Sesuai dengan peredaran zaman yang semakin canggih, fesyen berpakaian juga turut berubah, namun perubahan gaya fesyen ini hendaklah diambil berat oleh Umat Islam agar tergelincir daripada syariat Islam semata-mata ingin memenuhi dan mengikuti trend semasa terutama sekali dalam berpakaian.

Secara keseluruhan responden staf lelaki dan perempuan mempunyai asas latar belakang Pendidikan agama berkaitan dengan aurat. Walaupun dari sudut pengetahuan dan pemahaman, majoriti responden mengetahui dengan jelas batas-batas aurat, anggota yang perlu disembunyikan serta pakaian yang dianggap menutup aurat dan yang bukan menutup aurat, masih terdapat di kalangan mereka yang mengabaikan tuntutan ini terutama sekali dari kalangan staf perempuan apabila memakai tudung yang cukup-cukup atas paras dada dan tidak memakai stokin. Berbanding dengan responden staf lelaki yang masih terdapat kekeliruan mengenai pemakaian yang boleh mengundang kepada maksiat meskipun dengan jelas difahami batas aurat antara pusat dan lutut seperti mengenakan baju ketat, seluar ketat dan nipis. Berfesyen dengan tujuan mencapai penutupan aurat yang sempurna bukan semata-mata untuk berlawa dan berhias. Justeru, pelaksanaan dan pengamalan menutup aurat dengan sempurna perlu ditekankan agar mereka sedar akan kewajipannya bukan hanya semata-maya terikat dengan peraturan Universiti bahkan ianya merupakan satu peraturan yang telah ditetapkan oleh syarak.

Bibliografi

- Abdullah, Jarullah. (2005). Hak dan Kewajipan Muslimah. Jakarta, Pustaka Imam Syafii
- Khalid, Mardas Abu al-Haitsam al-Siraj (2004). Hadis Khalid bin Mardas al-Siraj. Makhtut Nashr fi Baramij Jawami 'al-Kalam al-Majani al-Tabi' li Mauqi' al-Syabkah al-Islamiyyah.
- Hjh. Mas Nooraini, Haji Mohiddin & Dy. Suaad, Dr Hj. Serbini. (2019). Fesyen Halal Style dalam Kalangan Pelajar UNISSA. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), Vol 4, Issue 19.
- Jabatan Mufti. (2020). Bertudung: Fesyen Lawan Syariat. Diakses pada 15 Ogos 2022.
Daripada: <https://mediapermata.com.bn/bertudung-fesyen-lawan-syariat/>.
- Mohd Najib, Abdul Ghafar. (1999). Penyelidikan Pendidikan. Edisi Pertama. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Norzira, Salleh. (2021). Tabarujj dan Fesyen Pakaian Muslimah Pada Zaman Kini. Akademika, 91(1), 109-118.
- Umar Mukhtar, Mohd Noor. (2016). Al-Kafi 281: Hukum Lelaki Berpakaian Nipis dan Ketat. Diakses pada 14 Ogos 2022. .

